

**MAJLIS PELANCARAN KURSI KEPEMIMPINAN ISLAM TUAN GURU HAJI MOHD  
YASSIN BIN MUHAMMAD DAN LAWATAN KERJA TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA KE UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
15/10/2014**

**DEWAN BESAR UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalaamu'alaikum warahmatullaahi wabarakaatuh, Salam sejahtera dan Salam 1 Malaysia

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi ini dalam Majlis Pelancaran Kursi Kepemimpinan Islam, Tuan Guru Haji Mohd Yassin bin Muhammad, Universiti Sains Islam Malaysia. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada USIM kerana sudi mengundang saya untuk merasmikan dan seterusnya melancarkan Kursi ini.

2. Pada hemat saya, pelancaran Kursi ini adalah amat signifikan dan bertepatan pada masanya. Dunia telah mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah model negara Islam yang moden, demokratik, stabil dan pesat membangun. Kemajuan yang dicapai oleh negara kita dalam bidang-bidang penting seperti ekonomi, pendidikan, sains dan teknologi menjadi bukti bahawa sebuah negara Islam yang dipimpin dan diurus dengan baik dan cekap boleh mencapai pelbagai kejayaan sepertimana yang dikecapi oleh negara-negara maju yang lain. Malah, sebagai sebuah negara Islam yang moden dan progresif, Malaysia menjadi antara pelopor dalam bidang-bidang tertentu seperti pembasmian kemiskinan, pengurusan haji, hab makanan halal, perundangan Islam serta perbankan dan kewangan Islam yang kini menjadi rujukan negara-negara lain di seluruh dunia. Kejayaan kita menubuh serta mengurus dengan baik pelbagai institusi Islam dalam bidang pengurusan hal ehwal agama, pendidikan, ekonomi, undang-undang dan pembangunan sosial menjadikan Malaysia antara negara contoh yang diteladani oleh negara-negara Islam yang lain.

3. Saya percaya segala kejayaan yang dicapai oleh Malaysia selama ini bukanlah ibarat yang pipih datang melayang, yang bulat datang bergolek. Pencapaian kita selama ini adalah berkait rapat dengan wawasan kepimpinan negara kita sejak dari mula Malaysia mencapai kemerdekaan hinggalah ke hari ini. Kepimpinan negara kita yang terdahulu telah meletakkan asas yang kukuh bagi pembinaan Malaysia sebagai sebuah negara majmuk yang bebas, aman dan stabil. Mengambil kira hakikat sejarah kedudukan penting agama Islam dalam sistem pentadbiran kerajaan Melayu dan status umat Islam sebagai golongan majoriti, maka agama Islam telah termaktub di dalam Perlembagaan sebagai Agama Persekutuan. Dengan kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan yang diiktiraf oleh Perlembagaan, kerajaan boleh menubuh serta membiayai institusi-institusi agama Islam untuk tujuan pendidikan serta pengembangan syiar Islam.

4. Pada masa yang sama, hak kebebasan beragama bagi masyarakat bukan Islam juga dijamin oleh Perlembagaan. Mereka boleh mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing secara aman dan harmoni di mana-mana tempat di Malaysia. Selaras dengan hak kebebasan beragama, masyarakat bukan Islam juga boleh menubuh serta mengurus tempat-tempat ibadat dan institusi agama mereka sendiri untuk tujuan pembelajaran serta amalan kepercayaan agama bagi penganut agama masing-masing.

5. Wujudnya keseimbangan antara jaminan Perlembagaan terhadap kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan dan hak kebebasan beragama bagi masyarakat bukan Islam telah meletakkan Malaysia sebagai antara negara yang paling aman dalam aspek hubungan antara agama. Walaupun Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum dan agama, konflik antara agama yang membawa kepada kacau-bilau dan pertumpahan darah sepertimana yang berlaku di banyak negara majmuk yang lain tidak berlaku di Malaysia. Alhamdulillah, ini adalah antara rahmat anugerah Allah s.w.t. kepada Malaysia berkat kebijaksanaan dan wawasan jauh kepimpinan negara kita dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian dalam sebuah negara majmuk.

6. Model kepimpinan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang moden, progresif dan stabil amat penting untuk dikaji secara lebih mendalam. Pada hemat saya, Kursi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd Yassin bin Muhammad di USIM ini boleh menjadi pelopor kepada usaha pengkajian ilmiah yang komprehensif tentang ciri-ciri, nilai dan amalan kepimpinan Islam kontemporari yang sesuai dengan tuntutan masyarakat moden hari ini. Selaras dengan sifat Islam sebagai agama yang syumul, yang merangkumi kesejahteraan duniawi dan ukhrawi, fokus kepimpinan Islam tidak hanya terbatas kepada aspek pembangunan kerohanian semata-mata, malah mencakupi bidang-bidang yang penting kepada kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat seperti pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial serta sains dan teknologi. Mewujudkan keseimbangan antara tuntutan duniawi dan ukhrawi adalah salah satu aspek penting amalan kepimpinan Islam yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan kesejahteraan umat Islam masa kini.

7. Selain itu, saya yakin prinsip-prinsip asas kepimpinan dalam Islam seperti sifat amanah, kebertanggungjawaban dan keadilan boleh menjadi teras kepada pembudayaan tadbir urus yang baik. Masyarakat kita sering diuji dengan pelbagai permasalahan dalam urustadbir seperti gejala rasuah, penyalahgunaan kuasa serta pelanggaran etika kepimpinan dan pengurusan dalam sesebuah organisasi yang menjejaskan pelaksanaan sesuatu dasar atau program yang telah dirancang dengan baik. Saya percaya dengan membudayakan tadbirurus yang baik berteraskan prinsip-prinsip asas kepimpinan dalam Islam, kita akan berjaya meningkatkan integriti kepimpinan di setiap lapisan organisasi dan seterusnya mewujudkan masyarakat dan negara yang sejahtera.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

8. Penubuhan Kursi ini adalah amat bertepatan dengan komitmen kita untuk meningkatkan martabat umat Islam di mata dunia. Kerajaan Malaysia menyokong penuh penubuhan Kursi Kepemimpinan Islam USIM sebagai salah satu usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sumber rujukan utama dalam bidang kajian kepemimpinan Islam kontemporari. Saya menyarankan agar ahli akademik dari dalam dan luar USIM bekerjasama dalam menghasilkan kajian-kajian ilmiah yang signifikan menerusi Kursi Kepemimpinan Islam ini. Saya yakin, penubuhan Kursi Kepemimpinan Islam di USIM adalah amat bersesuaian dengan teras kepakaran USIM di dalam bidang Sains Islam.

9. Penubuhan Kursi ini yang dinamakan sempena nama ayahanda saya Tuan Guru Haji Mohd. Yassin bin Muhammad adalah amat bertepatan dengan perjuangan beliau yang merupakan seorang tokoh agama yang berpengaruh di Johor, khususnya di Muar. Di samping dikenali sebagai tokoh agama dan pendakwah bebas, ayahanda saya juga amat mengambil berat tentang kemajuan anak-anak Melayu dalam bidang akademik sehinggakan tertubuh sebuah sekolah swasta iaitu Sekolah Menengah Mohd Yassin di Muar pada tahun 1965. Di samping mengasaskan Madrasah Al-Sa'adiyah yang menawarkan pendidikan aliran agama, ayahanda saya turut menubuhkan sekolah swasta ini yang menawarkan pengajian untuk matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah, Ilmu Alam, Agama Islam dan Lukisan. Sumbangan beliau dalam mengasaskan kedua-dua sekolah ini menunjukkan corak kepimpinan beliau sebagai seorang tokoh agama yang sentiasa menekankan keseimbangan antara kesejahteraan duniawi dan ukhrawi.

10. Saya juga percaya pelantikan Y.Bhg Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, sebagai pemegang pertama Kursi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd Yassin bin Muhammad adalah amat bertepatan dengan kepakaran beliau sebagai seorang tokoh pendidikan tinggi negara. Semasa berkhidmat sebagai Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, beliau telah memberikan sumbangan besar dalam melonjakkan kedudukan USM sebagai universiti APEX di negara ini. Begitu juga penglibatan aktif beliau sebagai Presiden International Association of Universities (IAU) membuktikan pengiktirafan badan antarabangsa terhadap kepakaran beliau. Saya berharap Y.Bhg Tan Sri Dato' Dzulkifli akan dapat membantu USIM menjadi pusat rujukan kajian kepemimpinan Islam terkemuka di dunia.

11. Akhirnya, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Yayasan Nurul Yaqeen atas usaha murni menubuhkan Kursi ini. Mudah-mudahan usaha murni ini akan beroleh rahmat dan inayah daripada Allah s.w.t. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan dan melancarkan Kursi Kepemimpinan Islam, Tuan Guru Haji Mohd Yassin bin Muhammad, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamualaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.